

Pendidikan Islam Dan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas : Menyantuni Orang Kurang Upaya Menurut Hadis

Islamic Of Education and Students with Special Educational Needs: Supporting the Disabled According to Hadis

NORAFIZAH BINTI MUSTAFA, NURSAFRA BINTI MOHD ZHAFFAR*, MAHFUZAH BINTI
MOHAMMED ZABIDI,**

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, N. Sembilan (First
Author), norafizahmustafa83@gmail.com

Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, N. Sembilan (Corresponding
Author), nursafra@uitm.edu.my

Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, mahfuzah3051@uitm.edu.my

*Corresponding author

** Main author

Keywords:

*Hadith; Islamic Education;
Students with Special
Educational Needs; Hadith;
People with Disabilities*

ABSTRACT

This study discusses the relationship between Islamic Education and Students with Special Educational Needs (SEND) by emphasizing the aspect of accommodating people with disabilities according to the perspective of hadith. Islamic education not only emphasizes cognitive aspects but also the development of noble morals including concern for the disabled, especially SEND. Through the analysis of authentic hadiths, this study highlights how the Prophet Muhammad SAW treated individuals with disabilities with love, respect and justice. This approach is the main guide in shaping teaching practices and interactions with SEND in the classroom. This study uses qualitative methods through hadith text analysis and literature review to examine the principles of accommodating such as respecting individual dignity, providing equal opportunities and emotional support. The results of the study found that these principles are in line with the objectives of holistic Islamic Education, thus reinforcing the need to strengthen an empathetic and inclusive approach in SEND education. This study suggests that educators, especially teachers in schools, should embrace these values as the core of their teaching in order to produce a generation that is more caring and just towards all groups of society.

Kata Kunci:

*Hadis; Pendidikan Islam;
Murid Berkeperluan
Pendidikan Khas; Hadis;
Orang Kurang Upaya*

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan hubungan antara Pendidikan Islam dan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) dengan menekankan aspek menyantuni orang kurang upaya (OKU) menurut perspektif hadis. Pendidikan Islam tidak hanya menekankan aspek kognitif tetapi juga pembinaan akhlak mulia termasuk keprihatinan terhadap golongan kurang upaya khususnya MBPK. Melalui analisis terhadap hadis-hadis sahih, kajian ini menyoroti bagaimana Rasulullah SAW memperlakukan individu kurang upaya dengan penuh kasih sayang, hormat dan keadilan. Pendekatan ini menjadi panduan utama dalam membentuk amalan pengajaran dan interaksi dengan MBPK di

dalam bilik darjah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis teks hadis dan kajian literatur untuk mengupas prinsip-prinsip penyantunan seperti penghormatan terhadap maruah individu, pemberian peluang setara dan sokongan emosi. Hasil kajian mendapati bahawa prinsip-prinsip ini selari dengan objektif Pendidikan Islam yang holistik sekali gus mengukuhkan keperluan untuk memperkasa pendekatan berempati dan inklusif dalam pendidikan MBPK. Kajian ini mencadangkan agar pendidik terutamanya guru di sekolah menghayati nilai-nilai ini sebagai teras dalam pengajaran mereka agar dapat melahirkan generasi yang lebih penyayang dan adil terhadap semua golongan masyarakat.

Received: April 28,2025

Accepted: May 24, 2025

Online Published: June 30, 2025

1. Pendahuluan

Pendidikan Islam berfungsi sebagai landasan penting dalam pembentukan insan yang berakhlak mulia, beriman, dan bertakwa kepada Allah SWT (Ramadhani & Musharapah, 2024). Dalam kerangka pendidikan tersebut, setiap individu tanpa mengira latar belakang fizikal, intelek, emosi, atau sosial berhak mendapat layanan yang adil dan penyantunan yang sewajarnya (Aqilah, 2023). Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) termasuk dalam kelompok yang memerlukan perhatian khusus dalam sistem pendidikan, sejajar dengan prinsip keadilan dan kesaksamaan yang ditekankan dalam Islam. MBPK merujuk kepada murid yang mengalami pelbagai bentuk kelainan, sama ada dalam aspek pembelajaran, mobiliti, deria, komunikasi atau perkembangan tingkah laku yang menyebabkan mereka memerlukan pendekatan pedagogi yang berbeza daripada murid arus perdana (Mohd Jamil et.al, 2021)

Dalam konteks Islam, penyantunan terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) bukan sekadar tuntutan sosial, bahkan merupakan manifestasi keimanan dan akhlak terpuji yang sangat ditekankan oleh Rasulullah SAW. Terdapat banyak hadis yang menggambarkan betapa Baginda SAW menunjukkan kasih sayang, penghormatan, dan penghargaan terhadap individu kurang upaya sama ada dari aspek memberikan hak bersuara, peluang berakhlak, kedudukan dalam masyarakat mahupun dari sudut interaksi harian (Izzatul & Farhah, 2020). Konsep ihsan, kasih sayang (*rahmah*) dan keadilan (*'adl*) yang menjadi teras ajaran Islam merangkumi tanggungjawab menyantuni golongan ini dengan penuh hormat, tanpa diskriminasi atau penghinaan (Nor Dalilah & Raihanah, 2022)

Walau bagaimanapun, dalam realiti pendidikan semasa terdapat cabaran besar dalam menerjemahkan nilai-nilai murni ini ke dalam amalan pengajaran khususnya dalam Pendidikan Islam untuk MBPK. Kajian menunjukkan bahawa kurangnya kefahaman guru tentang prinsip penyantunan OKU menurut perspektif Islam, kekangan dari segi latihan profesional dalam bidang Pendidikan Khas serta kekurangan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan keperluan MBPK menjadi antara faktor yang menghambat pelaksanaan pendidikan yang benar-benar inklusif dan berasaskan nilai-nilai Islam (Norafizah & Nursafra, 2024). Tambahan pula, persepsi masyarakat yang masih berat sebelah terhadap golongan kurang upaya turut mempengaruhi pendekatan pendidikan terhadap mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung (Shamim et.al, 2024).

Sehubungan itu, usaha untuk mengangkat kefahaman tentang penyantunan OKU berdasarkan hadis-hadis Rasulullah SAW menjadi amat penting bagi memperkukuh amalan pengajaran Pendidikan Islam kepada MBPK. Pendekatan ini bukan sahaja akan memperkasa hak murid-murid berkeperluan khas malah akan menyumbang kepada pembinaan budaya pendidikan yang lebih berperikemanusiaan, berempati dan selari dengan tuntutan syariat Islam. Artikel ini bertujuan untuk meneliti prinsip-prinsip penyantunan OKU dalam hadis, serta membincangkan implikasi penerapan prinsip tersebut dalam konteks pendidikan Islam kepada MBPK, agar dapat dijadikan rujukan dalam memperkasa pendekatan pedagogi yang lebih holistik dan berasaskan nilai.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan (*library research*) sebagai teknik utama pengumpulan dan analisis data. Sumber primer kajian terdiri daripada teks-teks hadis sahih yang berkaitan secara langsung dengan prinsip penyantunan terhadap golongan OKU, manakala sumber sekunder merangkumi karya ilmiah seperti buku akademik, artikel jurnal, tesis dan dokumen yang membincangkan aspek Pendidikan Islam dan pendidikan khas.

Pemilihan hadis dilakukan secara teliti dan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik untuk mengenal pasti nilai-nilai teras dan prinsip utama yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dalam mendidik serta menyantuni individu berkeperluan khas. Bagi memperkukuh pemahaman terhadap kandungan dan konteks hadis, kaedah analisis kandungan digunakan bagi meneliti dimensi makna, nilai pendidikan serta implikasi pedagogi prinsip-prinsip tersebut dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kepada MBPK.

Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan kajian mengupas isu secara mendalam berdasarkan sumber primer Islam serta perbincangan kontemporari yang menyokong pembangunan kerangka pendidikan yang inklusif dan berasaskan syarak.

Pemilihan kaedah kajian kepustakaan ini juga adalah berasaskan keupayaan untuk memungkinkan suatu penelitian kritikal dan menyeluruh terhadap teks-teks sumber utama Islam khususnya hadis-hadis Rasulullah SAW tanpa kekangan ruang dan masa. Pendekatan ini sesuai bagi memahami prinsip penyantunan terhadap golongan OKU dalam kerangka nilai-nilai Islam yang bersifat abadi dan universal.

Di samping itu, kaedah ini membolehkan pengkaji menghimpunkan pelbagai sudut pandang daripada tokoh sarjana klasik dan kontemporari berkaitan Pendidikan Islam dan pendidikan khas, seterusnya menghasilkan analisis yang lebih komprehensif dan kritis. Penekanan terhadap integrasi antara warisan intelektual Islam dan keperluan pendidikan semasa juga membolehkan pembentukan satu model atau pendekatan pedagogi yang lebih relevan, inklusif dan berpaksikan nilai-nilai syarak.

3. Rasulullah saw Ikutan Ummat

Dalam ajaran Islam, Rasulullah SAW berperanan sebagai teladan utama umat Islam dalam semua aspek kehidupan, termasuk cara menghormati dan memuliakan individu kurang upaya. Interaksi Rasulullah saw dengan individu kurang upaya menunjukkan belas kasihan, empati dan rasa hormat baginda terhadap golongan terpinggir dalam masyarakat ini.

Salah satu contoh yang paling terkenal menunjukkan penghormatan Nabi Muhammad terhadap individu kurang upaya adalah hubungannya dengan Abdullah ibn Umm Maktum, seorang sahabat Nabi yang buta. Abdullah bukan sahaja dihormati oleh Rasulullah tetapi juga dilantik sebagai muazzin (tukang azan) di Madinah, mempamerkan pengiktirafan Nabi terhadap kebolehan dan sumbangannya kepada masyarakat walaupun beliau cacat.

Tambahan pula, Nabi Muhammad menekankan kepentingan melayan orang kurang upaya dengan baik dan bermaruah. Menurut Mulla al-qari dalam sebuah hadis Sunan Abu Daud, no. 2594 menerangkan kepada kita tentang keberkatan menjaga golongan OKU. Menyantuni golongan OKU ini berupaya mendatangkan keberkatan dan rezeki kepada kita. Hal ini menekankan kepentingan menghormati dan menjaga anggota masyarakat yang terdedah termasuk mereka yang kurang upaya.

Selain itu, Nabi Muhammad menggalakkan kemasukan dan penyertaan individu kurang upaya dalam aktiviti kemasyarakatan. Terdapat kisah tentang Nabiv saw membenarkan individu kurang upaya untuk menghadiri solat berjemaah di masjid dan mengambil bahagian dalam perhimpunan sosial, mempromosikan integrasi dan penerimaan mereka dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, ajaran dan tindakan Nabi Muhammad menekankan kepentingan menghormati dan melibatkan individu kurang upaya dalam masyarakat. Dengan mencontohi beliau, umat Islam digalakkan untuk menunjukkan rasa belas kasihan, empati dan sokongan terhadap mereka yang kurang bernasib baik atau kurang upaya, seterusnya memupuk masyarakat yang lebih inklusif dan saksama berdasarkan prinsip ajaran Islam.

4. Golongan Kurang Upaya dalam Islam

Dalam Islam, golongan kurang upaya dihormati dan diberikan perhatian yang besar. Mereka dianggap sebagai ujian dari Allah dan memiliki hak yang sama seperti individu lain dalam masyarakat (M. Haiqal & Khazri, 2022). Agama Islam mengajarkan untuk membantu dan memperlakukan mereka dengan adil serta penuh kasih sayang.

Ada beberapa prinsip dalam Islam yang menekankan pentingnya memperlakukan golongan kurang upaya dengan baik. Antaranya adalah kewajiban sosial. Umat Islam diperintahkan untuk memberikan bantuan kepada yang memerlukan, termasuk golongan kurang upaya, seperti yang diwajibkan oleh zakat. Semua orang mempunyai hak dan kewajiban, termasuk kewajiban yang ditetapkan oleh syarak termasuk kepada golongan OKU. Agar nasib orang OKU terbelas, hak dan undang-undang mereka harus dilindungi. Golongan OKU termasuk dalam kalangan yang mukallaf. Namun ada pengecualian mukallaf ini bagi OKU iaitu mereka yang kehilangan syarat taklif iaitu akalunya. Walau bagaimanapun, pentaklifan OKU ini bergantung kepada keupayaan individu tersebut (Azman et. al, 2022).

Seterusnya Islam mengajarkan pentingnya memberikan kasih sayang, perhatian dan penghargaan terhadap golongan kurang upaya, sebagaimana yang diperlihatkan oleh Rasulullah SAW. Islam merupakan rahmat buat sekalian insan. Islam tidak pernah menyisihkan golongan OKU bahkan terdapat banyak gesaan di dalam Al-Quran yang memberikan perhatian kepada golongan yang kurang upaya. Firman Allah SWT:

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَنْ يَتَوَلَّ
 يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ١٧

Maksudnya: Tidaklah menjadi salah kepada orang buta, dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang, dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya). Dan (ingatlah), sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, akan dimasukkanNya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dan sesiapa yang berpaling ingkar, akan diseksaNya dengan azab yang tidak terperi sakitnya.

(Al-Fath: 17)

Ibn 'Abbas r.a berkata turunnya ayat di atas apabila ayat sebelumnya (Al-Fath, ayat ke -16) menceritakan tentang azab yang pedih bagi mereka yang tidak turut sama dalam berjuang menentang musyrikin lantas bertanyakan golongan-golongan kurang upaya dikalangan mereka seperti buta, tempang kakinya dan yang sakit kepada Rasulullah saw akan perihai keadaan mereka yang uzur itu untuk turut sama berjuang. Lantaran dari soalan tersebut, maka turunklah ayat di atas dengan memberikan keringanan buat golongan yang kurang upaya ini dengan tidak menjadi kesalahan buat mereka untuk tidak menyertai peperangan (Tafsir al-Qurtubi, Tidak dapat dinafikan bahawa menyantuni golongan OKU ini termasuk dalam kebaikan yang wajib dilakukan menurut Islam. Perintah Allah SWT:

"وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ".

Maksudnya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

(Al-Maaidah : 2)

OKU ini mesti dilayan dengan adil dan mereka mempunyai hak yang sama dalam hal agama, ilmu dan sebagainya. lebih-lebih lagi apabila ia berkaitan dengan masalah kesinambungan hidup. Hal ini kerana mereka juga berhak hidup dengan cara yang sama seperti orang lain dan mereka dilahirkan dan perlu dibesarkan dengan cara yang adil.

5. Hadis Menyantuni Golongan OKU :

Banyak hadis yang meriwayatkan tentang bagaimana Rasulullah melayani atau menyantuni golongan OKU ini. Antaranya terdapat di dalam penulisan Dr. Ahmad Sanusi Azmi (2021) dimana beliau mengumpulkan 40 hadis tentang orang kelainan upaya. Dari pengumpulan hadis tersebut menunjukkan jelas bahawa kedudukan golongan OKU adalah sangat dekat dengan kita. Berikut adalah cara Rasulullah menyantuni golongan OKU :

5.1 Memberikan Perhatian Peribadi

Baginda sentiasa memberikan perhatian peribadi kepada orang-orang yang memerlukan, mendengarkan dengan sabar dan memberikan nasihat yang bijaksana. Ini diceritakan dalam Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan (no hadis 839, 840) bahawa ketika itu seorang yang buta mengadu kepada Baginda saw kerana lemah

penglihatan dan beliau tidak dapat hadir solat di masjid. Beliau mengajak Rasulullah saw ke rumahnya untuk solat bersama. Maka keesokannya Rasulullah saw bersama sahabat baginda Abu Bakar datang memenuhi permintaan golongan OKU itu. Ini menunjukkan betapa Rasulullah saw memberikan perhatian khusus kepada setiap individu dan permasalahan mereka, tanpa mengira keadaan fizikal atau status mereka.

Satu lagi ciri yang ditonjolkan oleh Rasulullah saw dalam kisah ini adalah kesabaran dalam mendengar. Rasulullah saw mendengarkan keluhan orang buta tersebut dengan penuh sabar dan tanpa tergesa-gesa. Ini menunjukkan betapa pentingnya sikap mendengar dengan teliti dan sabar, terutama ketika berhadapan dengan individu yang mempunyai keperluan khas. Sikap ini tidak hanya membantu untuk memahami masalah yang dihadapi tetapi juga memberikan rasa dihargai kepada orang yang mengadu.

Rasulullah saw bukan hanya mendengarkan, tetapi juga memberikan nasihat dan mengambil tindakan yang bijaksana. Dengan memenuhi permintaan orang buta tersebut dan melawat rumahnya untuk solat bersama, Baginda saw menunjukkan contoh kepemimpinan yang baik dan empati yang mendalam. Tindakan Baginda bukan sahaja menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh orang buta tersebut, tetapi juga memberikan contoh kepada sahabat-sahabat Baginda saw tentang pentingnya membantu dan menyokong golongan OKU dalam masyarakat.

5.2 Menyediakan Sokongan Emosi

Rasulullah saw memberikan sokongan emosi kepada orang-orang yang memerlukan, menghibur mereka dalam kesedihan dan memberikan semangat dalam kesulitan. Ini dapat dilihat dalam kisah Talhah (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi no hadis 4063) yang tangannya cacat kerana mempertahankan Rasulullah saw ketika perang Uhud. Rasulullah saw memuji kekurangan Talhah dengan menyatakan pahala yang diperolehi Talhah melalui tangannya yang lumpuh. Juga baginda saw memuji keberanian Talhah yang sanggup bergadai nyawa untuk seorang Nabi.

Rasulullah saw turut memuji Talhah atas pengorbanan dan keberaniannya dalam perang Uhud. Baginda tidak hanya menghargai usaha Talhah, tetapi juga secara spesifik memuji tangannya yang lumpuh sebagai tanda keberanian dan pengorbanannya. Penghargaan ini menunjukkan bahawa Rasulullah saw mengakui dan menghargai usaha serta pengorbanan orang lain serta memberikan mereka penghargaan yang selayaknya.

Dengan memberikan pujian dan mengakui perjuangan Talhah, Rasulullah saw memberikan sokongan emosi yang sangat bermakna. Pujian ini memberikan semangat dan meningkatkan akhlak Talhah serta menguatkan semangatnya meskipun mengalami kecederaan. Sokongan emosi dari seorang pemimpin seperti Rasulullah saw adalah sangat penting dalam menginspirasi dan memberikan kekuatan kepada para pengikutnya.

Rasulullah saw juga menghiburkan Talhah dengan menyatakan pahala yang diperolehinya melalui pengorbanannya. Ini bukan hanya memberikan penghiburan dalam situasi sulit tetapi juga memberikan perspektif positif bahawa setiap kesulitan yang dihadapi demi kebaikan akan mendapatkan balasan yang besar. Rasulullah saw membantu para sahabatnya melihat makna dan tujuan yang lebih besar disebalik penderitaan mereka dan memberikan mereka kekuatan untuk terus berjuang.

5.3 Membantu dalam Apa Jua Keadaan

Baginda saw secara peribadi membantu orang-orang yang memerlukan bantuan, baik dari segi dengan memberi harta peribadinya atau mengatur bantuan lain. Hadis yang diriwayatkan oleh Anas (Sahih Muslim dalam Kitab al-Fadhail no hadis 2326) di mana seorang wanita yang mempunyai masalah lemah akal mendekati baginda saw untuk meminta pertolongan (menunjukkan jalan) lalu baginda saw menunjukkan sifat belas kasihan dan penyayang terhadap wanita OKU tersebut dengan berjalan bersamanya sehingga urusannya selesai. Kesediaan Nabi untuk menangani masalah wanita itu dalam suasana peribadi menunjukkan empati dan keprihatinan baginda terhadap golongan OKU yang cacat mental.

Rasulullah saw menunjukkan empati yang mendalam dan kepedulian terhadap golongan OKU. Hal ini dapat dilihat apabila Rasulullah SAW meluangkan waktu dan tenaga untuk membantu wanita tersebut, malah turut berjalan bersamanya hingga urusan wanita OKU itu selesai. Tindakan ini menunjukkan betapa Rasulullah SAW sangat memperhatikan keperluan emosi dan fizikal individu, terutama mereka yang memerlukan bantuan khusus.

Dalam riwayat lain, Musnad Ahmad no. 21484 diceritakan bahawa ketika seorang sahabat Baginda saw datang menyatakan beliau tidak mampu bersedekah kerana tidak mempunyai harta. Maka Rasulullah saw memberitahu beliau bahawa dengan cara membimbing orang buta berjalan dan mendidik orang yang pekak dan bisu sehingga mereka faham sudah memadai amalan tersebut dikira sebagai sedekah. Disini jelas menunjukkan mengajar ilmu pengetahuan kepada golongan OKU merupakan perkara yang diamalkan oleh Baginda saw.

Selain itu, Baginda saw tetap bersikap tenang dan tidak cepat melatah dalam menjawab pertanyaan sahabatnya itu malah meminta para sahabat agar membantu golongan OKU ini tidak kira apa bentuk bantuan. Ini memperlihatkan bahawa Rasulullah SAW tidak hanya memberikan bantuan sementara, tetapi juga berusaha untuk menggalakkan individu lain agar mereka boleh membantu golongan OKU berdikari dan terlibat dalam masyarakat.

5.4 Hak Pendidikan

Kisah ini amat masyhur dan menjadi pengajaran bukan sahaja kepada Rasulullah saw sendiri tetapi juga kepada golongan OKU amnya dan kepada umat Islam khususnya. Surah Abasa, surah ke-80 dalam Al-Qur'an, mengisahkan peristiwa yang melibatkan Baginda saw dan seorang sahabat bernama Abdullah bin Ummy Maktum, seorang sahabat yang buta. Peristiwa ini terjadi ketika Baginda saw sedang berbicara dengan beberapa pemuka Quraisy dengan harapan dapat mengajak mereka kepada Islam. Abdullah bin Ummy Maktum datang kepada Nabi dan meminta pengajaran tentang Islam. Namun, baginda saw berasa terganggu dengan kedatangan Abdullah dan mengernyitkan wajahnya (berwajah masam), berpaling darinya untuk melanjutkan pembicaraan dengan para pemuka Quraisy.

Sebagai teguran atas sikap tersebut, Allah menurunkan wahyu berupa ayat-ayat dalam Surah Abasa. Ayat pertama surah ini berbunyi :

"Dia (Muhammad) berwajah masam dan berpaling (dari seorang buta)."

Teguran ini menekankan pentingnya memperhatikan setiap individu yang mencari ilmu dan petunjuk, tanpa memandang status sosial mereka. Wahyu ini menunjukkan bahawa dalam Islam, semua orang adalah sama di hadapan Allah dan bahwa orang yang datang dengan niat tulus untuk belajar harus diberi perhatian yang sama, tanpa memandang status atau pengaruh mereka dalam masyarakat.

Surah Abasa mengandung pelajaran penting tentang keadilan, perhatian terhadap semua umat, dan pentingnya tidak memandang rendah siapa pun, terutama mereka yang mungkin dianggap lemah atau tidak berdaya. Peristiwa ini juga menjadi cermin betapa manusiawi dan rendah hatinya Rasulullah saw menerima teguran dari Allah dengan hati terbuka dan terus berusaha memperbaiki dirinya serta menyantuni OKU dengan sebaiknya.

5.5 Sentiasa Memaafkan

Dalam kitab Ibn Kathir yang berjudul al-Bidayah wa al-Nihayah (3/293) ada menceritakan tentang seorang lelaki buta yang menghina Rasulullah saw di jalan. Maka para sahabat bergegas untuk membunuh lelaki buta tersebut. Namun Rasulullah saw menenangkan para sahabat agar tidak berbuat demikian. Baginda bersabda : 'Biarkan dia sesungguhnya dia telah buta matanya dan hatinya'. Jelas di sini sifat pemaaf baginda saw sekalipun diejek dan dihina. Baginda saw tetap bersikap tenang dan tidak cepat melatah malah meminta para sahabat agar tidak menyakitinya.

Rasulullah saw menunjukkan sifat pemaaf yang luar biasa. Walaupun dihina dan dicemuh oleh seorang buta, Rasulullah saw tidak membalas penghinaan itu dengan marah atau kekerasan. Baginda memaafkan lelaki buta itu dan tidak membenarkan sahabatnya membalas dendam. Sifat pemaaf ini menunjukkan kedalaman belas kasihan dan pengampunan yang diajarkan oleh Nabi Muhammad saw.

Selain itu, dalam menghadapi situasi provokasi, Rasulullah saw tetap tenang dan tidak bertindak secara melulu. Baginda tidak membiarkan emosinya mengawal tindakan atau keputusannya. Kesabaran Rasulullah saw dalam menghadapi penghinaan ini menunjukkan kematangan emosi dan ketenangan fikiran yang tinggi, yang menjadi contoh teladan bagi umatnya.

Rasulullah saw juga menunjukkan kepimpinan yang bijaksana dengan menenangkan para sahabat dan mencegah mereka daripada melakukan keganasan. Baginda sedar bahawa keganasan bukanlah penyelesaian dan lelaki buta itu bukan sahaja buta di matanya, tetapi juga di dalam hatinya. Dengan kebijaksanaan ini, Rasulullah saw mengajar kepentingan menggunakan kebijaksanaan dalam menyelesaikan konflik serta mengutamakan belas kasihan dan menjadi seorang yang pemaaf.

Kisah ini menunjukkan betapa agungnya akhlak Rasulullah SAW yang menjadi contoh bagi umat Islam dalam menyantuni golongan OKU. Dalam menghadapi situasi mencabar baginda tetap melayani kerehnan manusia dengan penuh kemaafan, kesabaran dan kepimpinan yang bijak. Jelas bahawa baginda saw menyantuni golongan OKU dengan kasih sayang dan empati.

6. Perbincangan :

Hadis-hadis yang dibentangkan menunjukkan bahawa Rasulullah SAW amat menitikberatkan layanan penuh empati, perhatian, sokongan emosi serta penghargaan terhadap golongan OKU. Prinsip ini sangat bertepatan dengan pendekatan Pendidikan Islam kepada MBPK masa kini.

Pertama, aspek memberikan perhatian peribadi yang dipraktikkan Rasulullah SAW dapat diterapkan dalam kelas Pendidikan Islam MBPK dengan memastikan setiap murid diberi ruang untuk menyuarakan keperluan mereka. Guru perlu mendengar dengan sabar aduan atau pertanyaan MBPK, memberi respon secara peribadi dan menunjukkan tindakan yang jelas terhadap keperluan tersebut. Ini selari dengan keperluan MBPK yang sering memerlukan pendekatan individu berdasarkan kekuatan dan kekurangan mereka masing-masing.

Kedua, sokongan emosi seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW kepada Talhah boleh diaplikasikan dalam kelas Pendidikan Islam dengan memberi galakan dan pujian kepada MBPK atas usaha mereka, bukan semata-mata hasil. Guru perlu memahami bahawa setiap pencapaian kecil bagi MBPK adalah kejayaan besar yang memerlukan sokongan moral dan pengiktirafan yang konsisten untuk membina keyakinan diri serta akhlak terpuji.

Ketiga, melalui prinsip membantu dalam apa jua keadaan, guru digalakkan meluaskan peranan mereka bukan sekadar sebagai pendidik ilmu tetapi juga sebagai pembimbing akhlak dan sahabat sokongan. Sikap Rasulullah SAW yang membantu wanita kurang upaya hingga selesai urusannya menuntut agar guru mengambil pendekatan empati aktif dalam membimbing MBPK termasuk menyesuaikan pengajaran supaya relevan dengan keupayaan dan situasi mereka.

Keempat, hadis tentang hak pendidikan yang digambarkan dalam peristiwa Surah 'Abasa memperkukuhkan prinsip bahawa MBPK berhak mendapat akses penuh kepada pendidikan Islam tanpa sebarang diskriminasi. Guru harus bersikap inklusif, menyediakan peluang pembelajaran yang sesuai dan menghargai keinginan MBPK untuk menuntut ilmu walaupun mereka mungkin memerlukan pendekatan berbeza daripada pelajar tipikal.

Akhir sekali, prinsip sentiasa memaafkan dalam mendidik MBPK sangat penting kerana MBPK kadangkala mungkin menunjukkan tingkah laku yang tidak dijangka akibat cabaran kognitif atau emosi mereka. Guru perlu mencontohi sifat sabar, pemaaf dan tenang Rasulullah SAW dalam menangani situasi ini, demi menanamkan nilai akhlak yang luhur melalui keteladanan dalam tindakan seharian.

Secara keseluruhannya, pendekatan Rasulullah SAW terhadap golongan OKU seperti yang diriwayatkan dalam hadis menjadi model terbaik dalam mendidik MBPK. Pendidikan Islam kepada MBPK harus berteraskan kasih sayang, penghormatan, kesabaran, dan penghargaan terhadap setiap individu sebagaimana diajar oleh Rasulullah SAW.

7. Kesimpulan

Kajian terhadap hadis-hadis berkaitan layanan Rasulullah SAW kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) mendedahkan satu paradigma akhlak dan pedagogi Islam yang amat mendalam dan bersepadu. Rasulullah SAW tidak sekadar memperlihatkan simpati, tetapi membina satu budaya inklusif berasaskan hak, martabat, dan penghormatan insan tanpa mengira kekurangan fizikal atau mental.

Pendekatan Baginda menekankan pendidikan berbentuk peribadi dan responsif, berasaskan kefahaman mendalam terhadap keperluan individu. Ini mencabar pendekatan konvensional yang bersifat homogen dalam pendidikan dan menyeru ke arah pemikiran pedagogi yang lebih fleksibel, empatik, dan berpaksikan nilai kasih sayang serta penghargaan terhadap usaha.

Secara kritikalnya, amalan Rasulullah SAW menunjukkan bahawa penerapan akhlak dalam pengajaran MBPK bukan sekadar memenuhi tuntutan syarak, tetapi juga membentuk asas kepada keadilan sosial dan kesejahteraan emosi murid. Dalam konteks kontemporari, pendekatan ini menuntut transformasi serius dalam sikap pendidik, dasar pendidikan khas, dan struktur sokongan sistemik, agar prinsip-prinsip rahmatan lil 'alamin benar-benar diterjemahkan dalam amalan pendidikan harian.

Oleh itu, pendekatan Rasulullah SAW terhadap golongan OKU wajar dijadikan model utama dalam usaha mereformasi pendidikan khas di Malaysia. Kefahaman yang mendalam terhadap prinsip inklusiviti, kasih sayang dan penghormatan insan ini perlu diterjemahkan secara konkrit dalam dasar, kurikulum dan amalan pedagogi agar setiap murid berkeperluan pendidikan khas diberikan peluang optimum untuk berkembang secara holistik bukan sahaja dari segi akademik, malah dari segi akhlak, emosi, dan spiritual.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas penajaan melalui Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang telah melancarkan kajian ini dijalankan. Sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang tempoh pengajian amat dihargai dan menjadi pemangkin utama kepada kejayaan pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Sanusi (2021). 40 Hadis tentang Orang Kelianan Upaya. Negeri Sembilan: Ulum Hadis Research Centre
- Aqilah, A (2023). Hadith-Based Guidance Techniques to Raise the Psychological Intelligence of At-Risk Adolescents: Praktik Bimbingan Menurut Hadis dalam Peningkatan Kecerdasan Psikologi Remaja Berisiko . *HADIS*, 13(26), 24-37. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i26.224>
- Izzatul Najiha Baharudin & Farhah Zaidar Mohamed Ramli (2020), Orang Kurang Upaya (Oku) Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis. E-Proceeding Of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (Thiqah 2020), e-ISBN E978-967-2122-86-9, 33-49.
- Mohd Jamil, M. R., Idris, N., Razalli, A. R., Othman, M. S., Mohd Hanapi, M. H., Md Zalli, M. M., & Nik Rakemi, N. M. H. (2023). Kesejahteraan Emosi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas: Pasca COVID-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(2), 16–26. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.4.2023>
- Norafizah Mustafa & Nursafra Mohd Zhaffar. (2024). Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Pendidikan Khas. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 5(3), 91-96. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/ahcs/article/view/18161>
- Ramadhani, N., & Musyarapah. (2024). Tujuan Pendidikan Islam dalam Membentuk Generasi Berakhlak Mulia . *Jurnal Pendidikan Nusantara*, 3(2), 78–91. <https://doi.org/10.55080/jpn.v2i2.88>
- Sahih al-Bukhari. Riyad: Bayt al-Afkar al-. Dauliyyah, 1998.
- Sahih Muslim. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, tt
- Shamim Husna Sharizal, Nurfatini Alya Ahmad Sallehudins & Rachel Decruz. (2024). Capaian terhadap pendidikan: Analisis khusus berkenaan orang kurang upaya. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2), 307–334. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.36(2)no7)
- Sumi, A. A., Ahmed, S., & Alam, S. S. (2024). Islamic teachings and environmental corporate social responsibility in bangladesh: a mixed-methods research approach. *Journal of Islamic Marketing*, 15(4), 1155-1182. <https://doi.org/10.1108/jima-09-2023-0271>
- Tafsir al-Qurtubi. Dar al-Kutub al-Misriyyah, 16/273